ISMAIL HJ. MANAP & YANG LAIN

lwn.

ONN SWEE IMM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN MOHAMED H
[GUAMAN SIVIL NO. S6-23-45-90]
15 APRIL 1992

GANTIRUGI: *Gantirugi am - Kehilangan ganjaran (gratuity) - Samada merupakan salah satu daripada pendapatan - Akta Undang-undang sivil 1956, ss. 28A(1)(c), (2)(c)(iii).*

TORT: *Kecuaian - Kecuaian sertaan - Plaintif tidak tahu bagaimana kereta itu melanggarnya - Samada merupakan satu kecuaian atau kecuaian sertaan.*

Satu perlanggaran berlaku di antara motokar yang dipandu oleh defendant dan motosikal yang dipandu oleh plaintif pertama dan plaintif kedua sebagai pemboncing.

Dalam keterangannya, plaintif mengatakan beliau telah dilanggar oleh motokar yang dipandu defendan belakang.

Plaintif bagaimanapun tidak lihat kereta yang melanggarnya sebelum atau sejurus sebelum perlanggaran berlaku.

Oleh itu beliau tidak tahu bagaimana beliau dilanggar selain daripada mengatakan beliau dilanggar dari belakang.

Diputuskan:
[1] Kenyataan plaintif yang beliau tidak tahu bagaimana kereta itu melanggarnya dari belakang tidak boleh disifatkan sebagai satu kecuaian atau kecuaian sertaan.

[2] Defendan yang melanggarnya dari belakang tanpa memberi sebarang keterangan adalah bertanggungjawab 100% kecuaian dalam kemalangan atau perlanggaran yang berkenaan.

[3] Tiada bukti atau keterangan yang menunjukkan plaintif telah tidak dengan sepatutnya menjaga keselamatan diri atau orang lain dalam memandu motosikalnya.

[4] Ganjaran (gratuity) adalah juga merupakan salah satu daripada pendapatan sekiranya beliau tidak mengalami kecederaan akibat kemalangan tersebut. Oleh itu ini juga merupakan kehilangan atau kerugian yang perlu mendapat imbuhan.

[Permohonan diluluskan. Kos ditanggung oleh defendan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Maskinah bt. Jaya lwn. Salleh & Seorang Lagi [1984] 1 MLJ 187 ***(dirujuk)***
Lai Yew Seong lwn. Chan Kim Sang [1987] CLJ (Rep) 151 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 28A(1)(c), 28A(2)(c)(iii)

Bagi pihak plaintif-plaintif - Abdul Rahim Rajudin; T/n Abdul Rahim & Co.
Bagi pihak defendan - Prakash Menon; T/n Isharidah, Ho, Chong & Menon

PENGHAKIMAN

Wan Mohamed H:

Dalam kes ini perlanggaran berlaku di antara motokar yang dipandu oleh defendan dan motosikal yang dipandu oleh plaintif pertama dan plaintif kedua sebagai pemboncing. Plaintif pertama dan plaintif kedua telah memberi keterangan dan memanggil Pegawai Penyiasat dan ahli Chemist (penjual ubat) sebagai saksi plaintif No. 3 dan saksi plaintif No. 4. Defendan tidak memberi sebarang keterangan. Plaintif dalam keterangannya mengatakan beliau telah dilanggar oleh motokar yang dipandu oleh defendan dari belakang semasa dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja. Tempat kemalangan ialah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah kasar yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat (saksi plaintif No. 3). Plaintif tldak lihat kereta yang melanggarnya sebelum atau sejurus sebelum perlanggaran berlaku, oleh itu beliau tidak tahu bagaimana beliau dilanggar selain daripada mengatakan beliau dilanggar dari belakang. Kenyataan yang beliau tidak tahu bagaimana kereta itu melanggarnya dari belakang tidak boleh disifatkan sebagai satu kecuaian atau kecuaian sertaan. Defendan yang melanggarnya dari belakang tanpa memberi sebarang keterangan bahawa defendan telah melakukan sesuatu kecuaian, adalah bertanggungan 100% kecuaian dalam kemalangan atau perlanggaran yang berkenaan.

Kes *Maskinah bt. Jaya lwn. Salleh & Seorang Lagi* [1984] 1 MLJ 187, tidak boleh dijadikan panduan untuk menentukan liabiliti dalam kes di hadapan Mahkamah sekarang.

Hujah yang dikemukakan oleh peguam pihak defendan tidak dapat diterima. Pihak defendan telah tidak dapat mematah atau menyangkal keterangan yang diberi oleh pihak plaintif. Rujukan kepada kes *Lai Yew Seong lwn. Chan Kim Sang* [1987] CLJ (Rep) 151, juga tidak dapat membantu defendan untuk meletakkan kecuaian sertaan ke atas plaintif pertama. Dalam kes di hadapan Mahkamah sekarang tiada sebarang bukti atau keterangan yang menunjukkan plaintif telah tidak dengan sepatutnya menjaga keselamatan diri atau orang lain dalam memandu motosikalnya. Ringkasnya, tiada sebarang bukti yang beliau telah cuai pada memandu motosikal tersebut semasa kemalangan yang berkenaan berlaku.

Dengan alasan di atas Mahkamah dapati bahawa defendan bertanggungan (liable) 100% di atas perlanggaran yang berkenaan.

Penaksiran Gantirugi Am

(1) *Untuk plaintif pertama*

Plaintif pertama telah mengalami kecederaan seperti berikut:

(i) Kehilangan sebatang gigi - patah kemudian dicabut.

(ii) Kepatahan (*colles fracture*) pergelangan tangan kiri.

(iii) Kepatahan pada tulang selangka kanan, dan

(iv) Calar-calar di bahagian dagu, di bahu kanan, di pergelangan tangan kiri dan kanan dan di bahagian lutut.

Setelah menghalusi hujah-hujah dan kes-kes yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, Mahkamah membuat keputusan seperti berikut:

(i) Untuk kehilangan sebatang gigi ditaksirkan sebanyak RM1,500.

(ii) Untuk kepatahan pergelangan tangan kiri (*colles fracture*) tanpa sebarang kehilangan keupayaan RM7,500.

(iii) Untuk kepatahan tulang selangka kanan tanpa sebarang kesan sampingan RM7,000.

(iv) Untuk calar-calar RM1,000.

(2) *Untuk plaintif kedua*

Kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua adalah seperti berikut:

(i) Kepatahan tulang belakang di "*C7 Vertebra*".

(ii) Kepatahan tulang rusuk kanan (3 dan 4) dengan "*Pneumothorex*".

(iii) Kepatahan tulang belakang di "*T4 Vertebra*".

Setelah menimbangkan hujah-hujah dan kes-kes yang dikemukakan oleh peguam kedua pihak, dan menghalusi laporan doktor serta laporan doktor pakar di dalam dokumen-dokumen yang telah dipersetujui, Mahkamah membuat keputusan seperti berikut:

(i) Untuk kepatahan tulang belakang di "*C7 Vertebra*", gantirugi sebanyak RM7,000 adalah munasabah dan mencukupi.

(ii) Kepatahan dua batang tulang rusuk (3 dan 4), RM3,500 adalah mencukupi.

(iii) Untuk kepatahan tulang belakang di "*T4 Vertebra*" yang mengakibatkan menjadi lumpuh dan kehilangan rasa dari paras bawah kedua-dua buah dada ke bawah, penderitaan dan kehilangan keselesaan hidup sepanjang hayatnya, Mahkamah berpendapat gantirugi sebanyak RM125,000 adalah berpatutan.

(iv) Untuk kehilangan pendapatan bagi masa hadapan, keterangan telah diberi oleh ketua kerani di tempat mana plaintif kedua bekerja bahawa gajinya pada masa kemalangan ialah RM755 sebulan dan ini tidak dipertikaikan oleh pihak defendan. Pihak defendan juga bersetuju dengan dharaban 79 bulan; tetapi pihak defendan mahukan potongan pencen yang diterima oleh plaintif kedua sebanyak RM312 sebulan, atau dipotong sebanyak RM300 sebulan sebagai saraan hidup (living expenses) yang diperlukan oleh plaintif kedua.

Mahkamah tidak dapat menerima hujah-hujah berkenaan potongan sama ada mengenai pencen dan juga saraan hidup kerana ini tidak dibolehkan mengikut s. 28A (1)(c) Akta Undang-Undang Sivil 1956 berkenaan dengan pencen, dan s. 28A (2)(c)(iii) berkenaan dengan saraan hidup. Tiada terdapat pengakuan dan tiada sebarang bukti atau keterangan yang plaintif kedua perlu membelanjakan RM300 atau satu jumlah yang lain untuk saraan hidupnya. Oleh itu Mahkamah sewajarnya menerima RM755 sebagai dharaban dengan 79 bulan. Maka jumlah kehilangan pendapatan bagi masa hadapan ialah RM59,645.

Berkenaan dengan kehilangan ganjaran (*gratuity*), iaitu perbezaan di antara apa yang bakal diterima jika plaintif kedua bersara pada umur 55 tahun dengan apa yang telah diterima pada masa beliau diberhentikan akibat kemalangan yang berkenaan; iaitu sebanyak RM5,904 adalah juga merupakan salah satu daripada pendapatan beliau sekiranya beliau tidak mengalami kecederaan akibat daripada kemalangan tersebut. Oleh itu ini juga merupakan kehilangan atau kerugian yang perlu mendapat imbuhan. Maka Mahkamah membenarkan jumlah RM5,904 sebagai salah satu daripada gantirugi am yang perlu dibayar oleh pihak yang liable (bertanggungan) kepada plaintif kedua.

Berkenaan dengan tuntutan belanja penjagaan, plaintif pertama hanya mengatakan bahawa beliau membayar RM400 sebulan untuk penjagaan plaintif kedua. Tiada sebarang resit atau lain keterangan dikemukakan untuk menyokong keterangan plaintif pertama. Selain daripada

a itu, dalam pernyataan tuntutannya, pihak plaintif telah mengatakan "nursing care" ialah RM300 sebulan. Maka ternampak kepada Mahkamah yang pihak plaintif pertama cuba mendapat seberapa yang banyak tanpa mengasaskan kepada fakta yang sebenar. Walaubagaimanapun, Mahkamah dapati perbelanjaan atau upahan penjagaan ke atas plaintif kedua adalah perlu dan berpendapat gaji upahan sebanyak RM250 sebulan adalah berpatutan dan perlu diberi - RM250 x 79 bulan = RM19,750.

b Berkenaan dengan alatan-alatan perubatan dan ubat yang perlu digunakan oleh plaintif kedua, tiada bukti yang nyata ataupun sekurang-kurangnya anggaran daripada pihak doktor atau nurse yang berpengalaman bahawa plaintif kedua berkehendakkan sebanyak RM300 sebulan untuk membeli alatan-alatan dan ubat kegunaan harian untuk plaintif kedua. Walaubagaimanapun, Mahkamah dapati bahawa peralatan dan ubat adalah perlu untuk kegunaan plaintif kedua dan Mahkamah beranggapan RM120 sebulan adalah mencukupi - RM120 x 79 bulan = RM9,480.

c Dengan perkiraan dan alasan yang tersebut di atas Mahkamah membuat keputusan bahawa gantirugi am untuk plaintif kedua adalah seperti berikut:

(a) Untuk kecederaan, kesakitan, penderitaan dan juga kehilangan keselesaan hidup

d

	RM135,500	
Tolak 5% overlapping	RM 6,675	
		RM128,825
(b) Kehilangan pendapatan (gaji) masa depan		RM 59,645
(c) Kehilangan ganjaran (gratuity)		RM 5,904
(d) Kos untuk penjagaan masadepan		RM 19,750
(e) Alatan-alatan dan ubat masa depan		RM 9,480
Jumlah:		RM223,604

e

Gantirugi Khas - *kepada plaintif pertama*

f

(a) Perbelanjaan tambang menambang plaintif pertama untuk melawat plaintif kedua dalam hospital - tanpa resit dan tanpa catitan. (plaintif kedua berada dalam hospital selama 130 hari)	RM1,000
(b) Alatan-alatan dan ubat yang telah dibeli untuk kegunaan plaintif kedua	RM1,613.55
(c) Harga kerusi roda	RM 850.00
Jumlah:	RM 3,463.55

g

Gantirugi Am - *untuk plaintif pertama*

(a) Untuk kehilangan sebatang gigi	RM 1,500
(b) Untuk kepatahan pergelangan tangan kiri	RM 7,500
(c) Untuk kepatahan tulang selangka kanan	RM 7,000
(d) Untuk calar-calar	RM 1,000
Jumlah:	RM17,000

h

i

Defendan juga dikenakan faedah di atas kadar 4% setahun berkenaan dengan gantirugi khas mulai tarikh kemalangan hingga hari ini; faedah 8% setahun di atas gantirugi am selain daripada kehilangan pendapatan bagi masa depan, kehilangan ganjaran, kos penjagaan bagi masa depan dan kos alatan-alatan dan ubat bagi masa depan, mulai tarikh penyerahan writ hingga tarikh penghakiman (hari ini).

Defendan dikenakan kos yang akan dipersetujui atau yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Also found at [1992] 2 CLJ 1157